



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 10/4/2009
 USTAZ HASBULLAH BIN SELAH @ SALIM - IMAM 1
 USTAZ MOHD AL HAFIZ BIN ASARI - BILAL
 (Tajuk Khutbah : Sejarah Kegemilangan Islam Di Bumi Melaka)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.51	7.08	1.14	4.24	7.18	8.28	5.41

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

Bil. 15/2009 Tarikh: 10 April 2009 / 14 Rabiulakhir 1430H PERCUMA

Tazkirah

DEMIKIANLAH MASA MENCERITAKAN KEPADA KITA

1. Berperanan Dalam Hidup

Iaitu kamu mempunyai kedudukan di alam ini, sehingga kamu adalah sebuah angka yang mempunyai nilai, bukan setakat sifar yang terletak pada sebelah kiri angka. Ini bermakna bahawa kamu mesti turut serta dan berperanan di dalam usaha memakmurkan bumi dan membangunkan kehidupan umat serta ikut mempersembahkan sebuah karya dan jasa yang sesuai dengan kemampuan kamu dan bukan sebaliknya, iaitu hanya menjadi beban bagi umat. Sesungguhnya lebah yang mati akan dicampakkan ke luar sarang, kerana ia sudah tidak berharga dan tidak boleh lagi menghasilkan madu. Pokok yang kering akan dicabut dan dicampakkan ke luar kebun, kerana ia sudah tidak dapat diharapkan kemanfaatannya.

Oleh itu, apakah balasan yang sepadan bagi orang yang mendengarkan dan melihat tetapi ia tidak bekerja, tidak berkarya dan tidak mempunyai peranan langsung dalam usaha membangunkan kehidupan umat. Seorang pelajar yang tidak pergi ke sekolah dengan alasan yang tidak dibenarkan, malah ia duduk bersama ibunya di rumah, maka hukuman yang layak baginya tidak lain adalah rotan yang dipukulkan dengan keras kepadanya agar ia mahu berdiri dan berlari secepatnya ke sekolah. Seorang pekerja yang malas dan kerap tidur pada saat bekerja, maka hukuman baginya tidak lain adalah teguran yang keras dan tidak dibayar upah agar ia serik dan sadar terhadap kemalasannya tersebut.

Seorang alim yang hanya mementingkan diri sendiri dan tidak mahu memberikan kemanfaatan kepada orang lain, maka ia patut dihapuskan dari kamus orang-orang yang memiliki nama harum dan dikenang oleh ramai orang. Ini kerana ia tidak mahu berkorban dan tidak

mahu memberikan contoh yang baik kepada orang lain. Wahai orang yang menginginkan kebaikan bagi diri sendiri dan umat, janganlah kamu menjadi orang yang tidak memiliki nilai langsung sehingga kamu dilupakan, janganlah kamu menjadi umpama barang yang tidak berharga,

"Seseorang tidak memiliki kebaikan langsung di dalam kehidupan ini, jika ia adalah orang yang dianggap sebagai sampah dan kotoran masyarakat."

Makhluk yang paling rendah dan hina di alam ini adalah manusia yang hidup sehariannya hanya makan, minum dan tidur. Sumber manfaat dalam dirinya sudah tidak mengeluarkan air lagi, lembah kebajikannya telah kering, oleh itu kewujudannya berhak untuk tidak dianggap kerana ia telah menghapus namanya dari daftar kehidupan, menghapus nombornya dari papan pencatat karya dan pengorbanan. Ia umpama berada di alam kematian, perbezaannya bahawa ia masih makan dan minum. Ia pun telah berada di alam kubur, perbezaannya ia masih tertawa dan tidur. Orang-orang seperti ini mempunyai peranan yang besar dalam kenaikan harga keperluan utama, kerana banyaknya makanan yang ia santap. Ia juga memiliki peranan yang besar dalam mengakibatkan terjadinya kekeringan, kerana banyaknya air yang ia minum.

Orang sentiasa membina, berkarya dan berjalan ke hadapan, manakala dirinya mundur ke belakang kerana ia adalah melawan arus perkembangan dan pembangunan, melawan usaha dalam memberikan manfaat dan mempersembahkan karya, serta musuh kejayaan dan prestasi. Kafilah kehidupan tidak akan mahu untuk menunggu orang-orang yang malas dan lambat, kerana kafilah ini hanya diperuntukkan bagi orang-orang yang

aktif berkarya. Seluruh tempat yang ada telah dipesan dan waktu tidak akan menunggu sesiapa pun. Di dalam kafilah, kejayaan dan prestasi tidak diperuntukkan bagi orang-orang rendah yang tidak berguna.

2 Semut Dan Kejayaan

Pengajaran terbesar yang dapat disaksikan dalam dunia kejayaan antaranya adalah kehidupan haiwan yang bernama semut. Semut sentiasa berusaha secara terus menerus untuk berjaya dan mendapatkan apa yang diinginkan. Ia merangkak di sebuah pokok lalu terjatuh, kemudian bangun dan berusaha untuk merangkak kembali di atas pokok dan terjatuh lagi, demikian seterusnya. Perkara tersebut terjadi berulang-ulang, namun ia tetap berusaha tanpa merasa lelah dan bosan hingga akhirnya ia berjaya naik ke atas pokok yang diinginkan dan mendapatkan apa yang dicari.

Apabila jalan yang akan dilalui terhalang, maka semut akan berusaha lalu dari arah kanan dan kiri, namun jika tetap mendapatkan kesukaran untuk bergerak maju, maka ia akan berhenti sekejap kemudian kembali lagi dengan sebuah tenaga yang jauh lebih kuat dibandingkan dengan yang pertama. Mungkin semut akan menjauhi jalannya yang pertama kerana ada beberapa rintangan, namun ia akan tetap kembali berjalan menuju arah yang sama dengan mencari jalan yang lain hingga akhirnya sampai pada tujuan.

Haiwan semut memiliki kekuatan yang luar biasa dalam merealisasikan tekadnya untuk meraih apa yang diinginkan. Ia tidak pernah merasa bosan dan putus asa, sehingga semut patut dijadikan contoh dalam hal keinginan dan tekad yang kuat yang tidak mengenal kata putus asa.

Ada satu cerita, di mana suatu ketika ada seorang Arab Badwi keluar untuk satu keperluan. Ketika dia merasa sangat letih dan putus asa, dia duduk dan berfikir untuk kembali ke tempat asalnya. Ketika itu dia melihat seekor semut yang sedang merangkak naik ke atas batu besar, namun semut tersebut terjatuh, kemudian merangkak lagi dan jatuh lagi. Hal itu terjadi berulang kali, namun si semut tetap berusaha dan berusaha, hingga akhirnya ia berjaya sampai ke atas batu besar tersebut. Melihat pemandangan di depannya, orang Arab Badwi tersebut berkata di dalam hatinya, "Saya sepatutnya lebih patut untuk bersabar dan berusaha berbanding semut tersebut." Kemudian dia pun meneruskan perjalanannya hingga akhirnya sampai ke tempat tujuan yang diinginkan. Lalu dia berkata:

"Cari dan raih, jangan pernah berkeluh kesah dan bosan daripada berusaha untuk meraih apa yang kamu inginkan,

kerana penyakit orang yang ingin mencari dan meraih sesuatu adalah rasa bosan."

"Tidakkah kamu melihat titisan air yang tidak seberapa panjang, namun ia boleh mengalahkan kerasnya sebuah batu."

Sesungguhnya di dalam kehidupan semut terdapat pengajaran dan teladan bagi orang yang berakal, iaitu ketabahan, kesabaran, tekad kuat, sikap pantang menyerah dan berusaha tanpa mengenal erti lelah dan bosan. Semut terkenal memiliki kecerdikan yang luar biasa di dalam usahanya mendapatkan apa yang diinginkan. Seseorang yang pernah mengamati dan meneliti tentang kehidupan semut mengatakan bahawa semut mengumpulkan makanannya dari musim panas hingga musim sejuk. Ini kerana semut tidak kerap keluar pada musim sejuk. Oleh itu ia menyimpan makanan untuk musim sejuk dan hanya akan dimakan ketika masanya telah datang. Agar biji-bijian yang ia simpan tidak tumbuh di dalam tempat penyimpanan, maka dengan izin dan kuasa Allah S.W.T. (Zat yang telah memberikan bentuk kejadian kepada tiap-tiap sesuatu dan membekalinya dengan sesuatu untuk mencari penghidupan) si semut membelah biji tersebut dari tengah agar tidak tumbuh.

Apabila jalannya dihalangi oleh air yang tergenang hingga tidak dapat lalu dari arah tersebut, maka semut dan rakan-rakannya saling bergandungan untuk membuat seperti jambatan. Apabila semut-semut lainnya sudah menyeberang, maka semut-semut yang membentuk jambatan tadi merapat ke tepi. Maha Suci Zat yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu bentuk kejadiannya, kemudian membekalinya dengan akal, naluri dan kudrat alamiah untuk kelanjutan kehidupan masing-masing!!

Apabila seekor semut menemukan sepotong daging atau kaki belalang namun tidak kuat untuk membawanya sendiri, maka ia akan pulang ke rumah semut dan memanggil rakan-rakannya yang lain untuk bersama-sama membawa makanan tersebut. Semut memiliki sifat ketabahan dan kesabaran yang menakjubkan yang boleh dijadikan pelajaran bagi orang yang ingin meraih kejayaan. Bahkan seandainya kamu meletakkan sebuah batu di tengah-tengah jalan yang digunakan untuk tempat lalu sekawan semut, maka mereka akan berhenti. Namun mereka tidak akan berbalik arah ke belakang, tetapi menunggu dan berusaha menaiki batu yang kamu letakkan, atau berusaha lalu melalui celah-celah yang ada di kanan dan kiri batu, atau mencari jalan alternatif lain yang memiliki arah tujuan yang sama. Ini kerana mereka tidak mengenal erti kata mundur dan kembali.

INFO FATWA
SYEIKH ALI JUM'AH (MUFTI MESIR)
MASALAH BERSUCI

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Empat Ratus Tiga

Sambungan dari minggu yang lepas

2 Hukum Menyentuh Aurat

Soalan:

Saya mempunyai anak kecil. Terkadang saya terpaksa menyentuh auratnya padahal saya di dalam keadaan berwuduk. Apakah hal tersebut dapat membatalkan wuduk saya?

Jawapan:

Menurut ulama mazhab Syafie, hal tersebut membatalkan wudukmu. Sedangkan menurut ulama Hanafiah hal tersebut tidak membatalkan wudukmu. Maka apabila masalah wuduk bagimu adalah masalah yang berat maka engkau boleh bertaklid kepada mazhab Hanafiah. Agama itu mudah tidak sulit.

3. Haid.

Soalan:

Waktu haid saya selalu datang tidak teratur. Kadang-kadang hanya empat atau lima hari dan sering juga sampai lima belas hari. Berapa harikah waktu yang biasa bagi haid sehingga membolehkan saya setelahnya melakukan solat dan ibadah lain?

Jawapan:

Selama haid masih berlangsung, maka selama itu pula engkau harus meninggalkan solat dan puasa, meskipun darah haid yang tersisa hanya tinggal satu titis atau cairan yang sedikit berwarna keruh. Jika ia masih ada, anda tidak dibenarkan solat atau puasa walaupun tempohnya berterusan lima belas hari. Tetapi tempohnya lebih daripada lima belas hari maka anda mesti mandi janabah untuk bersuci dan selanjutnya dibolehkan melakukan solat puasa dan ibadah lain. Darah yang keluar selepas lima belas hari tidak lagi dinamakan darah haid, tapi darah penyakit (istihadhah).

4. Hukum Makan, Minum Dan Sebagainya Dalam Keadaan Junub.

Soalan:

Apakah makan, minum dan mencukur janggut diharamkan jika seseorang di dalam keadaan junub?

Jawapan:

Tidak ada dalil daripada Al-Quran dan hadis yang mengatakan bahawa makan, minum, mencukur janggut atau lainnya diharamkan bagi orang yang sedang junub. Hanya Imam Ghazali Hujjatul Islam (seorang ulama yang bermazhab Syafie) berbeza pendapat di dalam hal ini. Menurut beliau ada hadis yang bersumber daripada Abu Hurairah berbunyi seperti berikut ini, "Setiap satu rambut itu mengandung janabah, maka basuhlah rambut kamu dan bersihkanlah kulit (kamu)." Oleh sebab itu, lebih baik bagi oragp yang berjunub mandi janabah, terlebih dahulu kemudian mencukur bulu-bulu yang ada di badannya. Namun menurut kami, mencukur rambut dan bulu-bulu lain di dalam keadaan junub bukanlah sesuatu yang terletak antara halal dan haram.

Bersambung di m/s 4 >>>

هَيَّا نَذْهَبُ لِلتَّزْهَةِ

MARI KITA PERGI BERSIAR-SIAR

عائشة : لَقَدْ ذَهَبْتُ إِلَى جَزِيرَةِ "الغكاوي" فِي الْأُسْبُوعِ الْمَاضِي لِلتَّزْهَةِ.

Aisyah: Saya telah pergi ke Pulau Langkawi pada minggu lepas untuk bersiar-siar.

محمود : أَيْنَ مَكَتَ فِي الْجَزِيرَةِ ؟

Mahmud: Di manakah awak tinggal di pulau?

عائشة : نَزَلْتُ فِي فُنْدُقٍ رَائِعٍ اسْمُهُ "الغكاسوكا".

Aisyah: Saya telah singgah di hotel yang menarik namanya Langkasuka.

محمود : كَيْفَ ذَهَبْتَ إِلَى "الغكاوي" ؟

Mahmud: Bagaimana awak pergi ke Langkawi?

عائشة : ذَهَبْتُ مَعَ عَائِلَتِي وَجَهَّزْنَا الطَّائِرَةَ "إير آسيا".

Aisyah: Saya telah pergi bersama keluarga saya dan kami telah menempah kapal terbang Air Asia.

tinggal/menginap : مَكَتَ

Kamus: الْمُعْجَمُ

Pulau : جَزِيرَةٌ

Kami telah menempah : جَهَّزْنَا

Hotel : فُنْدُقٌ

SIDANG REDAKSI

PENGURUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUANG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim
(Imam Satu)

PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengaroh JAIM)

SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad
(Imam Dua)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad
Bin Hashim Al-Hafiz
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid
(Imam Rawatib)

EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz 8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < < sambungan dari m/s 3

Tetapi ia adalah sebahagian daripada budaya Islam.

5 Hukum Silisil Baul

Soalan:

Saya seorang pemuda yang terkena penyakit "silisil baul." Bagaimanakah hukum solat saya dan bagaimana seharusnya saya melakukan solat?

Jawapan:

Silisil baul adalah penyakit di mana seseorang tidak dapat menahan air seni (kencing), sehingga air seni tersebut sentiasa menitis. Penyakit ini ada dua jenis. Silisil baul yang terjadi terus menerus dan silisil baul yang hanya terjadi sekitar suku jam setelah seseorang melakukan buang air kecil. Oleh kerana itu, orang yang mengalami penyakit seperti ini mestilah menunggu selama 15 minit setiap kali ia selesai melakukan buang air kecil kemudian berwuduk. Namun bagaimana kalau dia tertinggal solat jamaahnya malah tidak dapat dikejar sama sekali jika dia menunggu hingga 15 minit untuk boleh berwuduk?

Dalam keadaan seperti ini dia tetap diwajibkan mendahulukan masalah kesucian di dalam solat daripada mengejar solat berjamaah tapi di dalam keadaan yang tidak suci. Sebab suci daripada najis adalah syarat yang harus dipenuhi di dalam melakukan solat.

Soalan:

Ibuku telah menderita sakit sejak lima belas tahun lalu. Tahun ini dia telah menunaikan umrah kemudian dilanjutkan dengan ibadah haji. Sekembalinya daripada haji, aku lihat rambutnya panjang sekali. Dia tidak boleh mencuci rambutnya sendiri kerana , penyakit yang dideritanya. Jika

saya tidak ada maka dia tidak dapat boleh mencuci rambutnya, kerana selama ini sayalah yang mencuci rambutnya. Maka apakah hukum memotong rambut. Adakah ia boleh atau haram? Adakah kami boleh memotongnya agar dia dapat mandi sendiri?

Jawapan:

Hukum memotong rambut bagi perempuan adalah boleh Yang diharamkan bagi perempuan adalah mencukurnya. Itupun jika tidak darurat atau keperluan (hajat) yang mengharuskannya untuk dipotong. Contohnya seorang perempuan diharuskan doktor untuk memotong rambutnya, maka di dalam keadaan seperti ini dibolehkan bagi perempuan memotong rambutnya.

Jadi, antara memotong di dalam erti sekadar memendekkan dan mencukur adalah berbeza. Mencukur rambutnya (bagi perempuan) adalah haram. Sebab di sana terdapat hadis yang melarangnya, iaitu riwayat yang bersumber daripada Ali r.a. beliau berkata, "Nabi S.A.W. melarang seorang perempuan mencukur rambutnya.

Sedangkan memotong rambut di dalam erti sekadar memendekkan (memangkasnya) adalah boleh, tidak mengapa.

Maka fatwa kami di dalam permasalahan ini adalah, bahawa seorang perempuan dibolehkan memotong rambutnya. Sebab di sana ada maksud dan tujuan yang baik, seperti agar lebih mudah dirawat, dibersihkan dan sebagainya.

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

3.4.2009 - RM 4,371.00

PERINGATAN :

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI